

07 DEC 2000

Pemuda-Aziz

AZIZ SUDAHPUN TARIK BALIK SURAT LETAK JAWATAN

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir berkata beliau telahpun menarik balik surat peletakan jawatannya sebagai Naib Ketua Pemuda Umno pada Sabtu lepas selepas berbincang dengan ketua pergerakan itu Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Katanya, surat peletakan jawatannya telah dihantar kepada Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Mahathir Mohamad pada Jumaat tetapi beliau tidak berjumpa Dr Mahathir untuk menjelaskan peletakan jawatannya itu.

"Saya telahpun membuat keputusan pada Sabtu lepas. Apa yang tersiar dalam akhbar hari ini ialah selepas perkembangan itu," katanya selepas menghadiri mesyuarat Exco Pemuda Umno di sini hari ini.

Beberapa akhbar nasional hari ini melaporkan tentang peletakan jawatan Abdul Aziz, yang dikaitkan dengan kegagalan Barisan Nasional (BN) mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Lunas, pada 29 Nov lepas.

Abdul Aziz berkata, beliau akan berjumpa dengan Dr Mahathir sama ada hari ini atau esok untuk menjelaskan pendiriannya itu.

Aziz berkata Hishammuddin telahpun memaklumkan kepada Perdana Menteri mengenai penarikan balik surat peletakan jawatannya itu.

Hishammuddin berkata isu peletakan jawatan Aziz itu tidak dibincangkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi Umno pada Jumaat lepas tetapi ia dibangkitkan pada mesyuarat Exco Pemuda hari ini.

-- BERNAMA

AR AZZ MAI